



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT




## TAJUK; SULTAN YANG ADIL



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "SULTAN YANG ADIL".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾	
Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Tajuk khutbah pada hari ini ialah " <b>SULTAN YANG ADIL</b> ".	6



Alhamdulillah rakyat negeri Selangor dapat meraikan Hari Keputeraan Sultan Selangor kali yang ke-77 pada 11 Disember 2022. Semuga Allah mengurniakan kesihatan yang sempurna dan keimanan yang mantap kepada Tuanku agar dapat terus memerintah negeri dengan penuh bijaksana, adil dan saksama. Sultan adalah khalifah yang diamanahkan oleh Allah untuk memastikan negeri sentiasa dalam kemakmuran dan kesejahteraan. Apa yang lebih penting ialah Sultan bertanggungjawab untuk memelihara dan mempertahankan kesucian Islam agar Islam dapat disebar dan diamalkan oleh rakyat negeri ini dengan selesa dan aman. Sultan juga hendaklah menjaga hubungan yang kuat dengan Allah SWT, memastikan wujudnya ekonomi yang adil dan baik, memastikan amar ma'ruf nahi mungkar dilaksanakan serta berwawasan Hari Akhirat.

7

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Haj ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا  
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

8

*"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan ingatlah bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."*

9



<p>Sultan yang diredhai Allah adalah Sultan yang prihatin terhadap agama Islam dan umat Islam. Sultan yang sentiasa menasihatkan rakyat memelihara solat dan menunaikan zakat. Sultan juga mahukan rakyatnya mengerjakan segala bentuk kebaikan seperti muafakat dan sepakat serta menghindarkan diri dari apa sahaja akhlak yang buruk seperti perpecahan yang membawa keburukan dan kerugian kepada diri, keluarga dan negeri.</p>	10
<p>Peranan aktif DYMM Sultan Selangor dalam menyuarakan prinsip-prinsip Islam dan nasihat membabitkan kesucian Islam adalah satu usaha baginda melaksanakan perintah Allah SWT. Baginda sentiasa mengingatkan umat Islam agar berakidah dengan akidah yang benar, menggesa umat Islam sentiasa bersatu hati dan jangan berpecah belah serta sentiasa bersifat jujur, amanah dan ikhlas dalam kehidupan. Inilah usaha dan ketegasan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi memelihara dan mendaulatkan agama Islam agar umat Islam dihormati yang wajib disambut oleh umat Islam. Oleh itu, Sultan adalah Ulil Amri yang wajib ditaati dalam urusan berkaitan memartabatkan Islam.</p>	11
<p>Allah SWT berfirman dalam surah An-Nisa' ayat 59:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ</p>	12



<p><i>"Wahai orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu."</i></p>	13
<p>Demi menegakkan syiar Islam di negeri Selangor ini, terdapat 10 tugas utama bagi seorang sultan sebagaimana difahamkan apa yang disenaraikan oleh Imam al-Mawardi dalam kitabnya al-Ahkam al-Sultaniyyah:</p> <p>1. Memelihara agama Islam dari dicemari oleh golongan sesat. Alhamdulillah negeri Selangor telahpun ada fatwa-fatwa ajaran sesat yang diwartakan bagi membendung dan menyekat ajaran sesat. Pengamal-pengamal ajaran sesat ada yang bertaubat dan ada yang telah diambil tindakan undang-undang.</p>	14
<p>2. Melaksanakan pentadbiran Islam. Negeri Selangor di bawah pemerintahan Tuanku telahpun ada institusi-institusi pentadbiran Islam yang berkaitan dengan kepentingan dan hak-hak orang-orang Islam yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.</p>	15
<p>3. Melindungi negeri dengan kemakmuran institusi ibadah dan pendidikan. Alhamdulillah DYMM Sultan telah berjaya memastikan keselesaan dan keamanan semua masjid, surau dan sekolah agama dari anasir-anasir perosak.</p>	16



<p>4. Menegakkan undang-undang Islam. Undang-undang hal ehwal Islam di Selangor yang telah diperkenan oleh DYMM Sultan telah berjaya menjaga dan mengawal umat Islam dari terjebak kerosakan akidah dan perlakuan jenayah disamping memelihara hak-hak 5 Maqasid Syariah. Akhirnya Islam dapat dilihat sebagai agama yang menaungi ummah seluruhnya dengan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar.</p>	17
<p>5. Mempertahankan keselamatan dan ketenteraman awam. Alhamdulillah negeri Selangor adalah negeri yang tayyibah dan maghfirah. Ini adalah menunjukkan kepada keprihatinan dan doa DYMM Sultan terhadap kebajikan rakyat Tuanku serta kesetiaan anggota keselamatan yang menjalankan tugas dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab.</p>	18
<p>6. Berjihad memerangi mana-mana pihak yang cuba menghina dan memusuhi Islam. Sebagai Ketua Agama Islam Negeri, DYMM Sultan kerap mengingatkan mana-mana pihak supaya tidak menghina Nabi Muhammad SAW dan mempermainkan agama Islam kerana ia merupakan kesalahan jenayah syariah.</p>	19
<p>7. Mengurus zakat. Penubuhan Lembaga Zakat Selangor dibawah Majlis Agama Islam Selangor dengan perkenan dan pemantauan DYMM Sultan telah berjaya dan terus komited mengurus zakat dengan penuh integriti untuk kepentingan asnaf dan manfaat ummah.</p>	20



<p>8. Kebajikan Petugas-Petugas Islam. DYMM Sultan amat mengambil berat berkaitan kebajikan kewangan pegawai-pegawai dan guru-guru yang bertugas di agensi, masjid dan sekolah agar sentiasa bermotivasi dalam mengurus hal ehwal Islam di negeri Selangor.</p>	21
<p>9. Petugas Islam yang terlatih dan jujur. Ini adalah menjadi keutamaan dan keprihatinan DYMM Sultan agar urusan hal ehwal Islam negeri sentiasa mendapat keredaan Allah dan terhindar dari penyelewengan serta salahguna kuasa.</p>	22
<p>10. Turun untuk menangani segala persoalan ummah dan memerhati keadaan. Alhamdulillah DYMM Sultan dapat melihat sendiri kemajuan Islam dan mengetahui permasalahan ummah apabila bersama-sama dengan rakyat melalui pelbagai program dan berbincang dengan para pemimpin agar urusan hal ehwal Islam dalam keadaan sempurna.</p>	23
<p>Walaupun tugas seorang sultan amat berat dan dipertanggungjawab di akhirat nanti, namun Islam menjanjikan kelebihan dan keistimewaan di dunia dan di akhirat kepada sultan yang terbaik dan adil seperti doanya tidak ditolak dan menjadi ahli syurga.</p>	24
<p>Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Tiga orang yang doa mereka tidak akan ditolak, iaitu; orang yang berpuasa hingga berbuka, seorang pemimpin yang adil dan doa orang yang dizalimi."</i></p> <p><i>(Riwayat Ahmad dan At-Tirmizi)</i></p>	25



<p>Inilah kurniaan Allah SWT kepada sultan yang adil memerintah iaitu doanya untuk kebaikan rakyat tidak ditolak oleh Allah SWT. Dengan itu, semua pemimpin hendaklah sentiasa merujuk kepada DYMM Sultan dalam permasalahan negeri dan agama kerana titah Tuanku adalah mulia dan doanya adalah mustajab.</p>	26
<p>Sultan yang adil lagi suka bersedekah akan menjadi ahli syurga. 'Iyadh bin Himar Radiallahuanhu berkata:</p> <p><i>"Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Ahli syurga itu ada tiga, iaitu: orang yang berkuasa yang adil, suka bersedekah lagi mendapat taufik, orang yang bersifat pengasih lagi berhati lembut terhadap setiap kerabatnya dan juga muslim lain dan orang yang amat menjaga kehormatan diri di samping turut mempunyai tanggungan."</i></p> <p>(Riwayat Muslim)</p>	27
<p>Oleh itu, marilah kita sebagai rakyat Selangor sentiasa mendoakan kesejahteraan yang sempurna dan kesihatan yang berterusan kepada DYMM Sultan Selangor agar terus memimpin dan memerintah negeri dengan bijaksana dan adil dibawah naungan hidayah dan inayah Allah SWT jua.</p>	28



Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati intipati dan pengajaran berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Sultan memerintah dengan adil dan rakyat pula mentaati Sultan adalah suatu ibadah dan perintah Allah SWT yang menjanjikan ganjaran di dunia dan di akhirat.
2. Sultan yang adil akan mendapat perlindungan Allah di dunia dan ganjaran syurga di akhirat bahkan doanya sentiasa dimakbulkan oleh Allah SWT.
3. Rasulullah SAW adalah manusia yang dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi contoh dan teladan terbaik kepada sultan dalam hal kepemimpinan dan urusan pemerintahan.

29

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ  
حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

*"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad s.a.w) yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu dan dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman."*

*(al-Taubah : 128).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



<p>Ya Allah! Hindarilah kami daripada semua musibah dunia dan siksaan akhirat. Selamatkan kami daripada malapetaka alam seperti bencana bah dan banjir besar yang sering melanda kami. Sesungguhnya Engkaulah yang berkuasa atas segala sesuatu, Ya Allah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22